

Saya amat berpuas hati

Written by Administrator

Thursday, 12 November 2009 17:18 - Last Updated Thursday, 12 November 2009 17:33

Berikutan dengan aduan yang telah saya lakukan beberapa hari lepas, saya dengan ini ingin memaklumkan kepada pihak NCC yang saya telah menerima respon daripada pihak Bank Rakyat. Saya ingin mengucapkan Terima Kasih diatas kerjasama yang diberikan oleh pihak Bank Rakyat.

Untuk makluman Puan/Tuan, saya telah menerima respon daripada pekerja khidmat pelanggan daripada Bank Rakyat sejurus selepas aduan dilakukan. Saya ingin memaklumkan saya amat berpuas hati dengan cara layanan dan jalan penyelesaian yang diberikan oleh pekerja tersebut.

Saya dengan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan. Untuk makluman pihak Bank, pekerja yang melayan masalah saya pada hari tersebut bernama Zetty. Saya juga berharap pihak Bank Rakyat akan lebih berhati-hati dan komited dalam menjalankan tugas di masa akan datang.

Terima Kasih.